

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN PUSAT TEKNOLOGI TAYAR SIME DARBY (SDTTC)

TEMPAT: JALAN TANDANG, PETALING JAYA,

TARIKH: 18 DEC 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Sime Darby dan Sumitomo Rubber Industries kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Pusat Teknologi Tayar Sime Darby atau SDTTC pada hari ini.

2. Hanya dua tahun yang lepas saya telah menyaksikan satu majlis menandatangani perjanjian usahasama di antara Sime Darby dengan Sumitomo Rubber Industries (SRI) untuk menubuh dan mengendalikan sebuah pusat teknologi tayar di Malaysia. Pada hari ini, saya berasa lebih gembira kerana dapat menyaksikan hasil daripada perjanjian tersebut. Saya mengucapkan tahniah kepada Sime Darby dan Sumitomo Rubber Industries di atas penubuhan kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sektor tayar swasta yang pertama di Malaysia dan juga di rantau ini.

3. Banyak yang telah diperkatakan tentang perlunya negara-negara yang sedang membangun menambahkan lagi peruntukan untuk R & D. Namun, di Malaysia sendiri, di mana sektor swastanya memainkan peranan yang pro-aktif dan sentiasa menyokong rancangan perindustrian negara, cuma segelintir sahaja sektor swasta yang telah menunjukkan inisiatif dan memberikan sambutan dengan melabur dalam R & D. Pada pandangan saya, masalah ini adalah kerana R & D jarang mendatangkan keuntungan dalam jangkamasa yang pendek. Akan tetapi, jika syarikat-syarikat swasta di Malaysia hanya mempunyai wawasan jangkamasa pendek yang terhad, bagaimanakah mereka boleh mimpikan kejayaan untuk mencapai matlamat jangkamasa panjang Wawasan 2020? Kini adalah masanya untuk menanam benih pelaburan di dalam R & D jika kita mahu merasakan hasilnya di tahun 2020 dan di tahun-tahun yang akan datang. Tanpa pelaburan di dalam R & D pada hari ini, syarikat-syarikat Malaysia tidak akan berupaya untuk berdikari di masa hadapan dan akan terus bergantung kepada teknologi asing, yang mana ini akan mengurangkan daya saing kita.

4. Dalam ertikata lain, di dalam dunia dagangan dan industri hari ini, di mana jenama produk yang kukuh dan terkenal menguasai premium dan kedudukan utama dalam pasaran, adalah penting bagi syarikat-syarikat Malaysia memajukan jenama barangan mereka sendiri dan

memperkenalkannya ke peringkat antarabangsa. Jika mereka mahukan penglibatan yang bermakna di dalam dagangan antarabangsa, syarikat-syarikat Malaysia haruslah mengukuhkan jenama barangan mereka agar diiktiraf di seluruh dunia dan mempunyai reputasi yang cemerlang daripada segi kualiti.

5. Industri kereta Jepun merupakan satu contoh yang baik mengenai kejayaan dasar seumpama ini. HONDA, TOYOTA, dan NISSAN bukanlah jenama yang terkenal dalam dunia otomotif dahulu. Tetapi hasil daripada kegigihan dalam bidang R & D dan peningkatan kualiti keluaran mereka, jenama Jepun dalam industri otomotif sudah diakui. Hari ini mereka tidak perlu sembunyi jenama mereka atau mengaitkannya dengan jenama Eropah atau Amerika yang lebih terkenal. Saya berharap, sepertimana Sime Darby telah merintis jalan dengan menubuhkan sebuah kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan untuk tayar, ia juga akan mempelopori usaha-usaha mengukuhkan lagi jenama barangan mereka di pasaran luar negeri dan di masa akan datang memperoleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui R & D dan peningkatan kualiti mereka.

6. Tidak ada negara di dunia ini yang sanggup memberikan teknologinya secara percuma dan Jepun adalah negara pertama yang menyedari akan hakikat ini, setelah mereka dahulunya banyak membayar yuran bantuan teknikal atau royalti untuk memperoleh teknologi asasnya. Walau bagaimanapun, kunci kejayaan, seperti yang telah jelas ditunjukkan oleh negara Jepun, adalah dengan menggunakan input teknikal ini sebagai landasan untuk memperbaiki dan memajukan lagi teknologi tersebut. Di dalam dunia hari ini, sekiranya keupayaan teknikal tidak dikembangkan ianya akan membawa kepada kelembapan. Tanpa pengembangan teknologi yang berterusan mana-mana jua syarikat perkilangan yang mahu terus kekal bersaing terpaksa berulang kali mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli teknologi yang terkini. Ini akan mengurangkan daya saingan barangan mereka. Sebaliknya jika peningkatan teknologi adalah hasil R & D sendiri, royalti tidak akan menjadi beban dan keunggulan produk akan diakui.

7. Ramai daripada pengusaha Malaysia kurang yakin akan kebolehan menyelidik tempatan dalam mencipta atau meningkatkan teknologi bagi barangan mereka. Sebenarnya saintis dan penyelidik Malaysia sudah pun terkenal. Dalam bidang pertanian mereka telah perolehi banyak kejayaan. Klon getah yang mereka hasilkan mengeluarkan 10 kali ganda lebih banyak susu getah daripada pokok getah asal. Klon kelapa sawit juga mengeluarkan lebih banyak buah lebih awal daripada pokok yang asal. Dalam satu pameran yang diadakan baru-baru ini terdapat inovasi cara memelihara kualiti benih pokok getah yang dihasilkan oleh pekerja pangkat rendah sahaja.

8. Mungkin ada pendapat bahawa penyelidikan dalam bidang pertanian adalah lebih mudah. Sebenarnya pendekatan dan proses penyelidikan tidak berbeza walau apa pun jenisnya,

sama ada 'chemical', 'physical', 'electrical' atau 'electronic'. Jika kita sudah mempelajari tentang 'properties' yang dimiliki oleh bahan atau barangan atau jentera, tentu tidak menjadi masalah untuk mencampur atau mengubah sedikit-sedikit campuran atau bentuk secara teratur dengan mencatat semua `character' atau `performance' yang dihasilkan. Jika pertukaran daripada segi `proportion' atau `performance' sudah dikenali maka aplikasi boleh diteroka pula. Lambat laun sesuatu yang baru yang lebih baik mungkin terjumpa. Yang diperlukan hanyalah ketekunan untuk mencuba secara sistematik. Jika ini sudah menjadi budaya saintis penyelidik, apa juga bidang boleh dikaji dan dibangunkan dengan jayanya. Tidak ada misteri dalam bidang kajian. Dan sudah tentu kemampuan tidak dianugerahkan kepada bangsa-bangsa tertentu sahaja. Siapa juga boleh asalkan sanggup mencuba tanpa jemu.

9. Satu perkara yang harus diberi perhatian oleh ahli-ahli penyelidik ialah hampir semua barangan yang kita gunakan dicipta dan dikeluarkan di negara `temperate' untuk masyarakat yang mempunyai budaya yang berlainan daripada kita di kawasan tropika. Hanya dengan memberi perhatian kepada keperluan iklim tropika dan budaya rakyat Malaysia sahaja pun, kita akan dapat menyesuaikan barangan-barangan buatan yang kita gunakan setiap hari. Apabila ini disesuaikan maka pasaran yang luas akan terbuka bagi keluaran kita di negara-negara tropika yang lain dan di kalangan masyarakat yang berbudaya sama dengan kita, umpamanya orang Islam. Penyelidik-penyelidik di pusat ini tentu tahu akan kesan iklim panas ke atas tayar umpamanya.

10. Interaksi di antara kakitangan teknikal SDTTC dengan rakan-rakan sejawat di SRI di dalam usaha menubuhkan kemudahan ini dan juga pertukaran kakitangan di antara pusat ini dengan SRI di Jepun akan dapat menambahkan lagi pengetahuan dan latihan saintifik untuk rakyat Malaysia di dalam bidang yang masih banyak lagi yang perlu dipelajari. Latihan serta pembangunan dalam kemahiran saintifik dan teknikal akan memainkan peranan yang penting di dalam menyediakan keperluan tenaga manusia untuk menjayakan matlamat Wawasan 2020. Saya mengucapkan terima kasih kepada Sumitomo kerana sedia bekerjasama dan membantu penyelidikan dalam bidang ini. Sikap ini menidakkan dakwaan bahawa Jepun enggan memindah teknologi mereka.

11. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Pusat Teknologi Tayar Sime Darby.